

Industri makanan tempatan ada potensi: Dr M

BANGI, Sabtu — Industri makanan resipi tempatan mempunyai potensi masa depan yang cerah jika ada kepakaran dan teknologi untuk memperluaskan pasarannya ke negara asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri, berkata negara ini kaya dengan pelbagai jenis masakan tempatan berbilang kaum tetapi ia tidak diperkenalkan secara meluas seperti yang dilakukan oleh negara asing.

Melalui teknologi yang tinggi kini, Malaysia boleh mengeksport makanan masakan resipi Malaysia melalui pelbagai cara seperti jenis masakan segera berbungkus, katanya ketika berucap di pelancaran kilang pengeluar makanan segera berbungkus — Dewana Food Industries Sdn Bhd, di sini hari ini.

Dewana Food Industries, milik penuh Bumi-putera, mengeluarkan barangan makanan segera berbungkus pertama di Asia Tenggara. Syarikat itu ditubuhkan setahun lalu. Majoriti keluaran syarikat itu untuk eksport.

Menurut Perdana Menteri, langkah syari-

kat Dewana harus dicontohi oleh pengusaha lain kerana peluang menyertai bidang itu masih terbuka luas.

Beliau yakin makanan segera berbungkus mampu mendapat sambutan yang menggalakkan sama ada dalam negeri mahu pun negara asing.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Sebenarnya penduduk negara ini sudah lama menghasilkan masakan jenis kering yang boleh disimpan lama serta mengekalkan rasa keasliannya.

Keaslian

"Tetapi mereka kurang berusaha mencari jalan baru cara-cara menyimpan masakan itu dalam bentuk bungkusan dan memperkenalkannya di pasaran dalaman."

Melalui kepakaran dan teknologi yang tinggi kini, katanya, masakan berbungkus boleh menjadi sumber perniagaan yang menguntungkan.

Katanya: "Peringkat permulaan kita harus berani mencuba memperkenalkan masakan berbungkus yang menggunakan resipi tempatan dengan jumlah pengeluaran yang kecil sebagai pengenalan."

Cara ini pernah dilakukan oleh pengeluar makanan negara asing ke negara ini sehingga barangan makanan itu menjadi terkenal sehingga ini, katanya.

Perdana Menteri, bagaimanapun, menasihatkan pengeluar makanan tempatan yang sudah berjaya menembusi pasaran asing hendaklah bersikap bertanggungjawab dengan memenuhi setiap permintaan pengedar atau pelanggan.

Menurut beliau, pengedar akan berhenti menjadi pelanggan tetap apabila pengeluar gagal memenuhi permintaan barangan diperlukan pada masa-masa ditentukan.

Selain itu, pengeluar juga hendaklah mengawal mutu pemprosesan serta mengekalkan keaslian rasa masakan yang dikeluarkan untuk menjamin pasarannya bertahan untuk tempoh panjang.

Terdahulu itu, Pengerusi Eksekutif Dewana, Ibrahim Haji Ahmad berkata, orang ramai boleh membeli barangannya di beberapa pasaraya tempatan mulai esok.

Sebagai langkah memperkenalkan barangan itu lebih berkesan di luar negeri, Dewana akan menyertai dua pameran galakan antarabangsa tahun ini iaitu pada Ogos dan Oktober.